

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

HSM 210 – Sejarah Sosio-Ekonomi Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. “Kesultanan Melayu Melaka berkembang kuat dan mewah pada kurun ke-15 semata-mata kerana kejayaan dalam bidang perdagangan.” Bahaskan.
2. “Pola dan corak taburan kependudukan dan petempatan pada abad ke-19 dan ke-20 di Semenanjung Malaysia ditentukan oleh faktor-faktor sosio-ekonomi.” Huraikan.
3. “Memandangkan tindak-tanduk pihak-pihak yang terlibat yang mengakibatkan kepada pengasasan Borneo Utara (Sabah) pada penghujung kurun ke-19, niat mengejar keuntungan ekonomi merupakan penentu utama.” Ulaskan.
4. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan yang mengatakan bahawa tanpa modal Eropah dan tenaga buruh pendatang India, sektor industri getah di Tanah Melayu tidak akan maju?

5.

Duduk bangku skula enda bulih padi;
Utai pinsil enda nyadi sangka babi

(Duduk di bangku sekolah tidak mendatangkan padi;
Sebatang pensil tidak akan membina rumah babi pun)

Pepatah di atas mencerminkan pandangan seorang Iban tua di Lemanak tentang pendidikan formal dalam masyarakat Iban. Setakat manakah anda bersetuju bahawa sikap sedemikian telah menyebabkan kadar tinggi buta huruf di kalangan kaum etnik pribumi Sarawak pada zaman penjajahan Brooke.

6. Nilaiikan sumbangan kaum Cina dalam pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Malaysia pada zaman kolonial.

7. Gambarkan senario sosio-ekonomi pada zaman pendudukan Jepun (1941-1945) SAMA ADA di Tanah Melayu ATAU di Sarawak dan Borneo Utara.